

10 AUG 1996

Mahathir-Saksi (Bergambar)

DR MAHATHIR JADI SAKSI PERNIKAHAN ANAK NAIB KETUA UMNO BAHAGIAN

LANGKAWI, 10 Ogos (Bernama) -- Bagi pasangan Annuar Ibrahim dan Juliana Alias, hari ini merupakan hari yang paling bersejarah dalam hidup mereka apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi salah seorang saksi akad nikah mereka.

Dr Mahathir menjadi saksi kepada Annuar manakala seorang lagi saksi pengantin lelaki itu ialah imam Masjid Ulu Melaka (Baru), Haji Hashim Budin.

Majlis akad nikah itu berlangsung di rumah "Tok Dukun" iaitu salah sebuah daripada 12 buah rumah tradisional Melayu dalam Pusat Peranginan Kampung Tok Senik di sini.

Pasangan itu dinikahkan oleh imam Masjid Ulu Melaka (Lama) Haji Mohd Taib Senawi. Yang turut hadir menyaksikan majlis itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, anggota Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib, Pegawai Daerah Langkawi Haji Ismail Hamid dan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi Datuk Halil Mutalib.

Kaum keluarga dan sahabat-handai kedua-dua mempelai itu turut memeriahkan majlis itu meskipun hujan turun dengan lebatnya.

Annuar yang menguruskan sebuah perniagaan di Pekan Kuah melafazkan akad nikah sekali sahaja dengan mas kahwin sebanyak RM5,555 serta sebertuk cincin berlian.

"Kami merasa terharu apabila Perdana Menteri sudi menjadi saksi kepada perkahwinan kami. Peristiwa bersejarah ini tidak akan kami lupakan hingga ke akhir hayat," kata Annuar.

Annuar, 22, berkata mereka bercadang untuk berbulan madu di Phuket, Thailand sebagai pilihan utama.

Mereka bertemu semasa Juliana, 21, bekerja di sebuah agensi pelancongan di Langkawi dua tahun lepas dan mengikat tali pertunangan pada Mei lepas.

Pengantin lelaki adalah anak ketiga Ibrahim Fadil yang juga Naib Ketua Umno Bahagian Langkawi manakala bapa Juliana ialah bekas pegawai tentera berpangkat mejar.

Majlis itu turut diserikan dengan persembahan marhaban.

-- BERNAMA

ZI AKD